

# Berkelulusan tinggi tapi gaji setaraf SPM

UM 9/4/2010 ms 12

SAYA amat tertarik dengan rangka Model Ekonomi Baru yang diketengahkan oleh Perdana Menteri bagi menaik taraf pendapatan rakyat yang puratanya menerima gaji di bawah RM1,000.

Saya amat bersetuju dengan cadangan tersebut namun apa yang saya ingin sampaikan di sini ialah pendapatan juruteknik yang berstatus gaji PIT1 RM843.06 yang memiliki ke-

lulusan diploma dan juga ijazah.

Apa yang amat saya kesalkan ialah gaji kami dinilai setaraf kelulusan SPM. Sedangkan tangga gaji bagi yang berkelulusan sijil dari politeknik/Kolej komuniti diletakkan pada tangga gaji PIT9 – RM1,254.50.

Persoalan yang timbul di sini apakah lagi tinggi kelulusan seseorang itu lagi rendah nilainya. Sebagai juruteknik yang berkhidmat sebagai

kakitangan awam yang memiliki kelulusan tinggi, kami tidak mengharapkan gaji yang ditawarkan setara gaji seorang jurutera atau pegawai, memadai ia ditawarkan selayaknya dengan kelulusan kami atau setaraf gaji yang berkelulusan sijil.

Sedangkan kami mempunyai bidang kelulusan yang sama dengan kelulusan sijil. Cuma yang bezanya taraf kelulusan kami yang lebih tinggi.

Namun amat menyedihkan ada juga juruteknik yang berkelulusan tinggi yang pernah berkerja di sektor swasta selama hampir 10 tahun ditawarkan pada tangga gaji PIT1.

Dengan gaji sebanyak ini dan sudah berkahwin dan memiliki anak yang bersekolah, bagaimanakah kami ingin menyara keluarga dan bagaimanakah pula kami ingin membayar balik pinjaman pelajaran?

UM 09-04-2010 ms.12

Sedangkan gaji kami sekadar cukup makan. Bagi yang berkelulusan SPM, tiada sebarang masalah kerana tidak terikat dengan sebarang pinjaman pelajaran. Jadi saya amat berharap agar ada pihak yang berkenaan membuka mata dapat membela kami dengan sewajarnya.

**JURUTEKNIK MALANG**  
Tanjung Malim, Perak

# 50,000 kekosongan sektor awam seluruh negara menjelang Julai

SINAR 27-04-2010 ms. N6

SINAR 27/4/2010 MS-N6-

IPOH - Lebih 50,000 kekosongan ditawarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) apabila kakitangan kerajaan yang bersara wajib pada umur 58 tahun akan menamatkan tugas mereka di sektor itu menjelang Julai ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, kekosongan itu akan memberi peluang kepada pelajar lepasan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), sijil, diploma dan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan di sektor perkhidmatan awam.

Jamaluddin berkata, justeru pusat temu duga diwujudkan bagi merealisasikan aspirasi dan mendahulukan rakyat iaitu memberikan kemudahan kepada mereka untuk menghadiri temu duga yang dikendalikan SPA.

"Pusat temu duga itu akan dijadikan pusat sehenti (one stop centre) kepada pencari kerja bukan sahaja untuk menghadiri temu duga malah boleh dijadikan tempat untuk memohon pekerjaan secara online melalui perkhidmatan Internet yang disediakan secara percuma," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pusat Temuduga SPA, di Greentown Square, di sini,

semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi SPA, Datuk Ahmad Said dan Pengerusi SPA Perak, Datuk Kamaruzaman Mahmud.

Beliau berkata, pusat temu duga yang dibuka di Ipoh, Perak adalah yang ketiga selepas dibuka di Kota Bharu pada 2008 diikuti Kuantan pada tahun lalu.

Dalam perkembangan sama, bagi permohonan

secara online pula, Jamaluddin berkata, setakat April, SPA sudah menerima sebanyak 500,000 permohonan dan dijangka akan meningkat menjelang akhir tahun ini.

Bagi golongan orang kurang upaya (OKU), beliau berkata, sebanyak satu peratus diperuntukan iaitu seramai 216 calon dilantik ke pelbagai skim perkhidmatan pada tahun lalu.



● JAMALUDDIN

## **500,000 mohon kerja melalui online SPA**

**I** POH: Kira-kira 500,000 mengemukakan permohonan secara dalam talian atau online kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mengisi jawatan perkhidmatan awam dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, berkata permohonan terbanyak diterima untuk perkhidmatan separa perubatan membabitkan jawatan seperti jururawat, pembantu perubatan dan farmasi iaitu sebanyak 260,000 permohonan.

“Selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 diumumkan awal tahun ini, lebih kurang 260,000 pemohon telah memohon jawatan dalam perkhidmatan separa perubatan yang hanya memerlukan kelulusan pada peringkat SPM,” katanya.

Selepas merasmikan Pusat Temu Duga SPA Perak di sini semalam, Jamaluddin berkata penggunaan permohonan secara dalam talian semakin popular terutama di kalangan generasi muda yang lebih selesa menggunakan komputer dalam sebarang urusan.



# Banyak jawatan kosong tahun ini

UMM

27/04/2010

MSS2

IPOH 26 April – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangkakan lebih banyak kekosongan jawatan akan berlaku berikutan kumpulan pertama kakitangan yang dilanjutkan tempoh perkhidmatan ke usia 58 tahun mula bersara pada Julai ini.

Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, kekosongan tersebut merupakan sebahagian daripada lebih 50,000 jawatan perkhidmatan awam yang akan diisi sepanjang tahun ini.

“Tahun ini, pada bulan Julai mungkin kebanyakan mereka yang dilanjutkan perkhidmatan ke umur 58 tahun akan mula bersara, kita jangka ada banyak kekosongan jawatan berlaku,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Temu Duga SPA di Greentown Square, di sini hari ini.

# SPA bakal iklan 50,000 jawatan kosong

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

azli.adlan@kosmo.com.my

**IPOH** – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menjangka sebanyak 50,000 jawatan kosong dalam pelbagai sektor dan peringkat akan ditawarkan untuk diisi sepanjang tahun ini.

Pengerusinya, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri (**gambar**) berkata, selain prosedur pengambilan biasa, kekosongan itu juga disebabkan ramai kakitangan awam akan bersara tahun ini.

“Kumpulan penjawat awam yang dilanjutkan usia persaraan dari 56 tahun ke-58 tahun pada dua tahun lalu akan bersara mulai Julai depan.

“Ia menyaksikan kewujudan banyak kerja



ketiga yang ditubuhkan SPA di luar Putrajaya dan Kuala Lumpur selepas Kota Bharu dan Kuantan.

Jamaluddin memberitahu, sehingga kini, SPA menerima kira-kira 500,000 permohonan daripada pencari kerja yang

kosong daripada Pengurusan dan Profesional, Sokongan I sehingga kumpulan Sokongan II,” katanya selepas merasmikan Pusat Temu Duga SPA Perak di Green-town Square di sini semalam.

Pusat temu duga tersebut merupakan

mendaftar secara dalam talian sejak awal tahun ini.

Pada perkembangan sama, beliau berkata, SPA merancang untuk membuka lebih banyak pusat temu duga di beberapa lokasi strategik seperti Alor Setar, Seremban, Johor Bahru, Miri, Sibul, Tawau dan Sandakan.

“Ia bertujuan memberi kemudahan dan keselesaan kepada calon untuk berurusan dengan SPA khususnya menghadiri temu duga.

“Pusat ini juga menyediakan komputer bagi membolehkan pencari kerja mendaftar dan menyemak status permohonan selain mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat peluang pekerjaan dalam sektor awam,” katanya.

# Serap pekerja kontrak sektor awam: Cuepacs

SINAR MS N7 28/4/2010

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam menggesa kerajaan menyerap pekerja kontrak di sektor awam kepada tetap selaras dengan pengumuman 50,000 kekosongan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) baru-baru ini.

Presidennya, Omar Osman berkata, pelaksanaan perkara ini perlu dilaksanakan sebelum 31 Disember tahun ini untuk mencapai negara maju 2020.

"Mereka perlu memberi kelebihan kepada pekerja kontrak yang berkhidmat dengan prestasi cemerlang dan produktif dalam sektor awam.

"Ini kerana mereka menghadapi masalah hubungan di tempat kerja disebabkan status kontrak tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, tawaran kekosongan ini juga dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Syed Shahir Syed Mohamud berkata, pekerja kontrak tersebut perlu mempunyai kelulusan sekiranya diserap secara tetap oleh kerajaan.

"Kerajaan boleh mewu-



Mereka perlu memberi kelebihan kepada pekerja kontrak yang berkhidmat dengan prestasi cemerlang dan produktif dalam sektor awam.

- Omar Osman

judkan tempoh percubaan selama tiga bulan sebelum diserap secara tetap.

"Status kontrak di sektor awam perlu dihentikan kerana ia mewujudkan keadaan yang tidak menentu kalangan pekerja," katanya.

Terdahulu, SPA mengumumkan 50,000 kekosongan apabila kakitangan kerajaan yang bersara wajib pada umur 58 tahun akan menamatkan perkhidmatan mereka menjelang Julai ini.



# Kerja kosong:

# Utamakan kakitangan

UM

28-04-2010

ms.2

# kontrak

UM 28/4/10

ms.2

KUALA LUMPUR 27 April – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mahu kerajaan mengutamakan pekerja kontrak dalam mengisi kekosongan jawatan tetap yang dijangka melebihi 50,000 mulai Julai ini.

Presidennya Omar Osman berkata, keutamaan dan kelonggaran perlu diberi kepada kakitangan kontrak supaya mereka boleh diserap ke jawatan tetap kakitangan awam seterusnya mencapai sasaran menghentikan jawatan kontrak baru menjelang 2011.

Tegasnya, proses penyerapan kakitangan kontrak sektor awam itu juga perlu mengutamakan mereka yang telah lama berkhidmat serta mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang.

“Jumlah kekosongan tersebut cuma di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan kami menjangkakan lebih banyak jawatan perkhidmatan awam lain akan mengalami kekosongan hasil persaraan wajib di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

“CUEPACS berharap kerajaan akan mengutamakan kakitangan kontrak untuk mengisi jawatan berkenaan mengikut pengalaman dan kelayakan mereka supaya jawatan kontrak baru dapat dihentikan menjelang Januari 2011,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi SPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri semalam yang menjangkakan lebih 50,000 jawatan perkhidmatan awam perlu diisi bermula Julai ini.

Ia berikutan persaraan kumpulan pertama kakitangan yang dilanjutkan tempoh perkhidmatan ke usia 58 tahun.

Pada 9 Disember lalu, CUEPACS telah mengemukakan cadangan penyerapan berperingkat-peringkat sekitar 60,000 pekerja kontrak sektor awam supaya skim kontrak berkenaan dapat ditamatkan menjelang 2011.